



RABU, 29 NOVEMBER 2017

CCO2017/147

Untuk siaran segera/For Immediate Release

KENYATAAN MEDIA

Universiti Malaya di Kalangan 10 Universiti Terbaik Dunia dalam Bidang Kejuruteraan

November 29, 2017 – Universiti Malaya telah dinobatkan berada di kedudukan ke-10 di kalangan universiti-universiti global dalam bidang kejuruteraan. Kejayaan ini telah diumumkan oleh pihak U.S. News dalam penerbitan U.S. News 2018 Best Global Universities Ranking, baru-baru ini. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan, memandangkan lebih daripada 600 universiti-universiti terkemuka dunia dalam bidang kejuruteraan telah dipertimbangkan dalam penarafan ini.

U.S. News & World Report adalah sebuah syarikat media yang diasaskan di Amerika Syarikat, dan terkenal dengan penerbitan tahunannya iaitu 'Best Colleges Ranking'. Sebagai pelopor dalam bidang penarafan universiti-universiti, ia telah mula menerbitkan laporan "Universiti Terbaik di Amerika" pada tahun 1985, dan sejak itu menjadi rujukan kepada pelajar, ahli akademik dan orang awam, sama ada di peringkat global mahupun di negara Amerika Syarikat itu sendiri. Untuk mengikut rentak penerbitan sistem-sistem penarafan universiti-universiti antarabangsa, ia telah mula menerbitkan laporan penarafan "Best Global Universities" pada tahun 2014, sekaligus menggunakan pengalamannya yang luas di dalam bidang penarafan universiti-universiti antarabangsa.

Metod yang telah digunakan untuk menilai kedudukan universiti-universiti adalah dengan mengambil kira kecemerlangan institusi-institusi terlibat dalam bidang penyelidikan, dan reputasi universiti di rantau berdekatan dan antarabangsa. Selain itu, indikator-indikator lain

turut digunakan seperti penerbitan hasil penyelidikan, impak penyelidikan dari aspek sitasi, dan kerjasama antarabangsa.

Penarafan UM di tangga ke-10 dalam bidang kejuruteraan menunjukkan usaha penyelidikan & pembangunan (R&D) di UM amnya, dan di Fakulti Kejuruteraan khususnya, adalah berkualiti tinggi dan menjadi rujukan di peringkat global. Kejayaan ini jelas hasil daripada geran penyelidikan 'High Impact Research' (HIR) yang telah dianugerahkan kepada UM pada tahun 2011-2016, di mana projek-projek penyelidikan bernilai RM 116 juta telah dijalankan di Fakulti Kejuruteraan. Di samping itu, hasil penyelidikan projek HIR juga telah banyak memberikan manfaat kepada komuniti setempat, industri, dan juga komersialisasi pelbagai produk penyelidikan.

Kesimpulannya untuk masa hadapan, Fakulti Kejuruteraan UM akan terus menggembeng tenaga bersama-sama pihak kerajaan, industri dan syarikat, badan profesional, pelajar dan masyarakat awam dalam mencapai lebih banyak kejayaan yang bermakna untuk kemajuan negara kita yang tercinta.

University of Malaya amongst World's Top-10 in Engineering

November 29, 2017 – In the recently released U.S. News 2018 Best Global Universities Ranking, University of Malaya has been placed at the impressive 10th position amongst global universities in the area of Engineering. This is an outstanding accomplishment, considering more than 600 top, global universities in engineering were considered in the latest result.

U.S. News & World Report is an American media company and is best known for its annual Best Colleges ranking publication. Being a pioneer of universities ranking, it first published its "America's Best Colleges" report in 1985, and has been the reference point for students, academics and public, globally and in the United States. Keeping in touch with other global universities rankings, it then published its first "Best Global Universities" ranking in 2014, thus bringing its vast experience in the assessment of global universities.

The methodology used in evaluating the rankings primarily considers the research excellence of the institutions, as well as its global and regional reputation. Additionally, other indicators such as publication of research findings, impact of research in terms of citations, and international collaborations were considered.

The placement of UM at position No. 10 in the field of Engineering shows that the research & development (R&D) works conducted at UM, and at Faculty of Engineering specifically, are of high quality and is highly referred globally. This is also a clear and direct result of the High Impact Research (HIR) grant that was awarded to UM in 2011-2016, where high-impact R&D projects worth RM 116 million was carried out at the Faculty of Engineering. Additionally, the research outcomes of the HIR projects also benefited many local communities and industries, as well as commercialization of various research products.

Looking forwards, Faculty of Engineering, UM will continue to work with the government, industries and companies, professional bodies, students and the general public in achieving more meaningful and impactful ventures for the progress of our beloved nation.

Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Raman
Pemangku Dekan / Acting Dean
Fakulti Kejuruteraan / Faculty of Engineering
Universiti Malaya / University of Malaya

Tel : 03-79675200
Emel: azizraman@um.edu.my

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Faks: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my